

Esa, Ahmad and Mohd Yunos, Jailani and Kaprawi, Noraini (2005). Proceeding 1st Asia Pacific Sports Science Conference 2005. Kota Kinabalu: UMS. PP 1-16. ISBN 983-2643-68-3

BUILDING GENERIC SKILLS THROUGH SPORTS IN MALAYSIAN POLYTECHNICS

Ahmad bin Esa

Assoc. Prof. Dr. Jailani bin Mohd. Yunus

Assoc. Prof. Dr. Noraini binti Kaprawi

Abstract

The purpose of this research paper is to identify generic skills development among students in polytechnics through sports activities. Apart from that, research was carried out to identify whether there is any differences in generic skills taught through sports between Polytechnics in Malaysia. Research type is descriptive study surveyed on sample involving lecturers and student in six Polytechnics in Malaysia. Instrument used was questionnaires and data was analyzed using SPSS's programme. Results of the research showed that student does not only benefited physical vitality but student also acquired a few generic skills from sports activities such as communicative skills, problem solving skills, decision making, leadership skills, teamwork, interpersonal and management. Results obtained through one-way Anova test does not show any difference on generic skills taught through sports between Polytechnics in Malaysia. Research findings based on the research that has been carried out proved that getting involved in sports among technical stream students would be vital because it contributed to the acquisition of generic skills that will aid them once they involved in a real working situation.

Keywords: Generic Skills, Sports, Polytechnics

MEMBINA KEMAHIRAN GENERIK MENERUSI SUKAN DI POLITEKNIK MALAYSIA

Ahmad bin Esa

Prof. Madya Dr. Jailani bin Mohd. Yunus

Prof. Madya Dr. Noraini binti Kaprawi

Fakulti Pendidikan

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn

Abstrak

Kertas kerja ini bertujuan mengenal pasti pembinaan kemahiran generik di kalangan pelajar di politeknik menerusi kegiatan sukan. Selain daripada itu, penyelidikan juga dijalankan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan kemahiran generik yang diajar menerusi sukan di antara politeknik-politeknik di Malaysia. Reka bentuk penyelidikan yang digunakan ialah kajian deskriptif jenis tinjauan sampel yang melibatkan pensyarah dan pelajar di enam buah politeknik di Malaysia. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik dan data dianalisis menggunakan

program SPSS. Dapatan kajian menunjukkan menerusi kegiatan sukan pelajar bukan sahaja mendapat faedah daripada segi kecergasan fizikal tetapi pelajar turut menerima beberapa kemahiran generik seperti kemahiran berkomunikasi, penyelesaian masalah, membuat keputusan, kepimpinan, pengurusan, interpersonal dan bekerja dalam kumpulan. Ujian Anova sehalu yang dijalankan menunjukkan tidak terdapat perbezaan kemahiran generik yang diajar menerusi sukan di antara politeknik-politeknik di Malaysia. Hasil kajian yang telah dijalankan membuktikan bahawa kegiatan bersukan di kalangan pelajar aliran teknik adalah penting kerana turut menyumbang kepada kemahiran generik yang dapat mereka aplikasikan apabila menceburi alam pekerjaan.

1.0 Pengenalan

Sesuai dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk membentuk insan seimbang maka di Malaysia pelaksanaan pengajaran dilaksanakan menerusi kurikulum dan kokurikulum. Beberapa orang ahli akademik dan penyelidik menyatakan kokurikulum adalah pelengkap kepada kurikulum. Sukan terkandung dalam kokurikulum, justeru sukan juga sewajarnya dianggap pelengkap kepada sistem akademik dan sewajarnya memberi pengetahuan dan menjana beberapa kemahiran tertentu. Antara kemahiran tersebut ialah kemahiran generik yang bermaksud kemahiran yang diperlukan oleh seseorang individu semasa dia bekerja tanpa mengambil kira jawatan dan jenis pekerjaan yang dilakukan dan kemahiran tersebut adalah diperlukan oleh industri (Ahmad, 2005). Walaupun demikian, terdapat tanggapan negatif terhadap kegiatan sukan yang wujud dalam bentuk kokurikulum dalam sistem pendidikan di Malaysia, sama ada dikemukakan oleh ibu bapa atau di kalangan pendidik sendiri seperti yang dinyatakan oleh Kementerian Pendidikan (2000), Rohanida Abd. Manaf dan Mohd. Sofian Omar Fauzee (2002) dan Suriati Chek Pi dan Mohd. Sofian Omar Fauzee (2002). Di kalangan ibu bapa, terdapat kecenderungan mereka terlalu memberi penekanan kepada aspek pencapaian akademik dan menganggap kegiatan kokurikulum seperti sukan tidak memberi sumbangan kepada pencapaian akademik anak-anak mereka seperti yang dilaporkan di dalam penyelidikan Mohamad Nor Mohamad Taib (1990) dan Mustafa Kamal Ali (2000). Di kalangan pendidik pula tanggapan negatif terhadap kegiatan sukan kerap dikaitkan dengan bebanan tugas yang bertambah dan mereka tidak mendapat sebarang faedah kerjaya dalam melaksanakan kegiatan tersebut seperti yang dilaporkan di dalam penyelidikan Zainal Sabu (1999) dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (1992).

Namun demikian, terdapat juga beberapa pihak yang menyatakan bahawa kegiatan sukan menerusi kokurikulum di institut pendidikan memberi kesan positif kepada pelajar kerana mereka secara tidak langsung mempelajari beberapa kemahiran generik. Contohnya petikan berikut,

*“All Co-curricular Activities; such as, **athletics**, band, chorus, musicals, dramatic and cultural program are an extremely important part of a student’s education. Survey of business and industry clearly indicate that they want their employees to be able to work cooperatively, in teams, solve problem, take the initiative and produce with pride. These are all skills enveloped through co-curricular activity participation.”*

(Keystone Central School District, 2002)

Matthews (2000) menulis falsafah kokurikulum *Banbury Cathedral Grammar School* seperti berikut,

*“ In a world where a young person faces the prospect of many different jobs, rather than a career with one or two employers, and the possibility of being challenged by a career yet to be invented, transferable skills are becoming more important than they ever were before. Students need to learn how to communicate, how to co-operate, how to think and act critically, how to be creative, how to care about others and how to be enterprising. Many of these skills will be learnt of **the sports field** or on the stage as an actor or as a member of the orchestra or as a debater... ”*

Merujuk kepada petikan-petikan tersebut, secara konsepnya dapatlah dinyatakan bahawa sukan yang terkandung dalam kokurikulum di politeknik juga mampu membina kemahiran generik di kalangan pelajar politeknik-politeknik di Malaysia. Secara kebetulan, penyelidik sedang menyempurnakan satu penyelidikan yang berjudul, ‘Pelaksanaan Kemahiran Generik Menerusi Kokurikulum Di Politeknik Bagi Memenuhi Keperluan Industri,’ maka penulis utarakan sebahagian daripada dapatan penyelidik yang berhubung dengan kegiatan sukan dalam kokurikulum di politeknik-politeknik Malaysia dalam penulisan ini.

2.0 **Pernyataan Masalah.**

Institut pendidikan teknik dan vokasional berorientasikan memberi peluang kepada pelajar di peringkat sijil dan diploma memasuki alam pekerjaan. Oleh itu, sewajarnya pelajar didedahkan dengan pengetahuan, kemahiran teknikal dan kemahiran yang berkaitan dengan keperluan industri sebagaimana yang ditegaskan oleh Warwick (1989), Abbot (1997), Strom (1996) dan Wirth (1992). Satu daripada jenis institut pendidikan teknik dan vokasional di Malaysia ialah politeknik. Politeknik bertujuan melahirkan kelulusan separa profesional dalam bidang kejuruteraan dan perdagangan yang seimbang daripada segi kemahiran teknikal dan kemanusiaan di peringkat sijil dan diploma bagi memenuhi keperluan sumber manusia di sektor awam dan swasta. Oleh yang demikian, menurut Andy K.H Seo (2003), kemahiran generik perlu menjadi pelengkap kepada pengetahuan teori dan amali kepada para pelajar di politeknik.

Namun demikian untuk melaksanakan kemahiran generik menerusi kurikulum sahaja tidak mencukupi memandangkan di politeknik beban akademik lebih berfokus kepada kerja-kerja amali di bengkel dan penteorian di dalam bilik darjah yang berorientasikan hasil kerja-kerja amali dan keputusan peperiksaan Andy K.H Seo (2003) dan Ismail Bakar (2003). Oleh itu, kokurikulum yang antaranya melibatkan kegiatan bersukan merupakan alternatif untuk pelajar belajar kemahiran generik.

Sukan menerusi kokurikulum diwajibkan di politeknik pada 2000, namun begitu beberapa kajian telah dijalankan berkaitan sukan di politeknik dan institut pendidikan teknikal di Malaysia dan didapati telah mendapat makluma balas yang positif daripada kalangan para responden seperti penyelidikan yang telah dijalankan oleh Mat Aris Abd.Hadi (1994), Mohd.Saufi Zakaria (1999), Roslan Ahmad (1994) dan Hisham Abd. Rahmad (2000). Walau bagaimanapun kajian tersebut dijalankan sebelum sukan menerusi kokurikulum diwajibkan di politeknik dan didapati belum ada lagi kajian yang melihat secara langsung perkaitan antara sukan di politeknik dengan kemahiran generik.

Sukan menerusi kokurikulum dianggap pelengkap kepada kurikulum dan berpotensi mengembangkan potensi individu menurut Walker (2003), Keystone Central School District (2002), Switzer (2002), National Academy Foundation (2001), Matthews (2000), Potrafka *et. al* (1997), California State University (1994), Adnan Kamis (1993), Yusoff Ismail (1993), Vasudevan T. Arosoo (1988), Michigan State University (1988) dan Teng Boon Tong (1984) adalah relevan dengan misi Bahagian Kurikulum Teknikal dan Vokasional, Jabatan Pendidikan Teknik, Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu “Membina kurikulum teknikal dan vokasional untuk membentuk insan yang seimbang yang progresif, kreatif, inovatif, berfikiran kritis dan beretika luhur ke arah pembangunan teknologi dan ekonomi negara.” Ketua Timbalan Pengarah Pendidikan Teknik Malaysia, Ahmad Sipon (2003) sendiri mengakui peri pentingnya sukan untuk membina kemahiran generik yang dapat memenuhi keperluan pekerjaan di kalangan para pelajar politeknik.

Berdasarkan pernyataan-pernyataan dan bukti-bukti yang dikemukakan adalah wajar satu kajian berkaitan sukan membina kemahiran generik di kalangan pelajar di politeknik-politeknik dijalankan. Tambahan pula belum ada lagi kajian berkaitan sukan di politeknik dengan kemahiran generik yang dijalankan sama ada di dalam atau di luar negara.

3.0 Soalan Kajian

Soalan kajian ialah seperti berikut,

- a) Sejauh manakah pelaksanaan kemahiran generik dalam kegiatan sukan di kalangan pensyarah kokurikulum di politeknik-politeknik Malaysia?
- b) Sejauh manakah pengaplikasian kemahiran generik yang diterima menerusi kegiatan sukan dalam kokurikulum di kalangan para pelajar di politeknik-politeknik Malaysia?
- c) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelaksanaan kemahiran generik dalam kegiatan sukan oleh pensyarah dengan pengaplikasian kemahiran generik yang diterima oleh pelajar menerusi kegiatan sukan di politeknik-politeknik Malaysia?
- d) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar di politeknik-politeknik di Malaysia daripada segi pengaplikasian kemahiran generik yang mereka terima menerusi kegiatan sukan dalam kokurikulum.

4.0 Metode Kajian

Reka bentuk penyelidikan yang dijalankan ialah penyelidikan deskriptif jenis tinjauan sampel. Responden yang terlibat dalam penyelidikan yang dijalankan ialah 71 orang pelajar dan 90 orang pensyarah yang dipilih menggunakan teknik persampelan kelompok banyak tahap yang melibatkan enam buah politeknik di Malaysia. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik (Jadual 1) yang dibina sendiri oleh penyelidik. Oleh yang demikian kajian rintis telah dijalankan untuk mendapatkan kebolehpercayaan item-item yang dibina. Didapati kesemua item yang dikemukakan di dalam borang soal selidik mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi berdasarkan ujian analisis kebolehpercayaan yang telah dijalankan. Nilai alfa yang diperolehi bagi keseluruhan item yang terkandung di dalam soal selidik pensyarah ialah 0.9929 dan di dalam soal selidik pelajar ialah 0.9834. Data-data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan program SPSS version 11.5. Statistik deskriptif telah digunakan untuk mendapatkan min

manakala nilai alfa 0.05 digunakan untuk menentukan sama ada tidak terdapat perbezaan atau terdapat perbezaan yang signifikan dalam *One-Wy Anova* yang dijalankan.

5.0 Dapatan Kajian

Berikut ialah dapatan daripada penyelidikan yang telah dijalankan.

- a) Pensyarah kokurikulum yang mengajar sukan di politeknik-politeknik Malaysia mengakui mereka telah mengajar kemahiran generik dengan cemerlang seperti kemahiran komunikasi, penyelesaian masalah, membuat keputusan, kepimpinan, bekerja dalam kumpulan, interpersonal dan pengurusan (Jadual 2) menerusi aktiviti sukan.
- b) Pelajar yang mengikuti sukan dalam kokurikulum di politeknik-politeknik Malaysia mengakui mereka boleh mengaplikasi kemahiran generik dengan cemerlang seperti kemahiran komunikasi, penyelesaian masalah, membuat keputusan, kepimpinan, bekerja dalam kumpulan, interpersonal dan pengurusan (Jadual 2) setelah mempelajarinya menerusi sukan di politeknik.
- c) Kemahiran-kemahiran komunikasi yang dipersetujui oleh responden antaranya seperti lisan bahasa Melayu dan Inggeris, penulisan bahasa Melayu dan Inggeris, mendengar, memberi dan menerima arahan, menyampaikan dan memahami maklumat. Selain daripada itu, mereka juga bersetuju dengan kebolehan mentafsir simbol, lambang, moto, logo, warna dan bahasa isyarat.
- d) Kemahiran-kemahiran membuat keputusan yang dipersetujui oleh responden ialah seperti dapat mengenal pasti keperluan membuat keputusan, melaksanakan proses membuat keputusan iaitu menyenarai, memilih, melaksana dan membuat penilaian ke atas alternatif dalam membuat keputusan. Mereka juga bersetuju dengan kemahiran seperti berani dan bertanggungjawab di atas keputusan yang dibuat dan berkemahiran membuat keputusan pada masa yang tepat.
- e) Dalam konteks kemahiran pengurusan pula, dapatan menunjukkan kesemua prinsip asas dalam pengurusan dipersetujui oleh pihak responden iaitu sama ada oleh pensyarah daripada segi telah melaksanakannya dengan cemerlang menerusi sukan atau oleh pelajar daripada segi boleh mengaplikasikannya dengan cemerlang setelah menerimanya menerusi sukan. Prinsip-prinsip asas tersebut ialah perancangan, pengorganisasian, pelaksanaan, penilaian, konflik dan kawalan. Perancangan merangkumi kemahiran dalam menentukan matlamat, objektif, program, strategi dan penggunaan sumber organisasi. Pengorganisasian merujuk kepada kemahiran untuk menstruktur, mengagih tugas, mengenal pasti kekuatan dan kelemahan organisasi. Pelaksanaan dilihat dalam konteks kemahiran mengurus kewangan, sumber manusia, peralatan, dokumentasi dan masa. Pihak responden juga bersetuju dengan kemahiran penilaian yang mengandungi beberapa kemahiran seperti melakukan penilaian ke atas diri sendiri, orang lain, matlamat, objektif, program dan strategi dalam sesebuah organisasi. Selain daripada itu mereka juga menyatakan persetujuan terhadap beberapa prinsip kawalan organisasi seperti menetapkan piawaian, mengesan kesilapan, menyelia perkembangan, memastikan ahli mempunyai matlamat yang sama dan mengawal sumber daripada pembaziran perlu dimiliki oleh setiap pekerja yang bekerja di industri. Mereka juga bersetuju terhadap beberapa kemahiran dalam konteks kemahiran-kemahiran yang berkaitan dengan konflik organisasi seperti menangani konflik secara bersendirian, rundingan, aduan pelanggan dan termasuklah mewujudkan konflik untuk membina organisasi.
- f) Kemahiran-kemahiran kemahiran kepimpinan yang dipersetujui oleh responden ialah memberi arahan, bersedia bekerja lebih masa tanpa bayaran, boleh ubah suai mengikut keadaan, memberi motivasi, teladan dan bimbingan kepada rakan, tabah menghadapi dugaan, berani membuat perubahan, boleh bekerja tanpa pengawasan, menghormati dan berlaku adil kepada orang lain, melaksanakan kuasa dengan amanah, boleh menerima teguran, dapat mengawal emosi, menjaga

kebajikan ahli, bertanggungjawab (akauntabiliti), jujur, membina sikap berdaya saing dan pemikiran intelektual dan menjalankan tugas dengan komited.

g) Para responden juga bersetuju dengan beberapa kemahiran dalam kemahiran bekerja dalam kumpulan. Antaranya ialah membantu ahli dalam kumpulan, menyelesaikan masalah dan keputusan secara bersama, menyumbang dan memberi idea kepada rakan dalam kumpulan, boleh bekerja dengan orang atasan dan orang bawahan serta menerima kritikan, menentukan strategi dan objektif kumpulan.

h) Selain daripada itu para responden juga bersetuju dengan beberapa kemahiran yang berkaitan dengan kemahiran interpersonal seperti menjelaskan idea kepada orang atasan dan bawahan, membina keterampilan diri yang positif, menghormati prinsip dan menerima orang lain tanpa syarat, bergaul dengan rakan dari pelbagai kaum, status dan negeri

i) Kemahiran-kemahiran penyelesaian masalah yang dipersetujui oleh responden ialah seperti kemahiran penyelesaian masalah, pihak pensyarah mengakui mereka telah mengajar beberapa kemahiran seperti menyedari kewujudan masalah, melaksanakan proses penyelesaian masalah iaitu mengenal pasti punca, menyenarai, memilih, melaksana dan membuat penilaian ke atas alternatif dalam penyelesaian masalah. Selain daripada itu, berasa berani, yakin, sabar dan sentiasa bermotivasi untuk berhadapan dengan masalah.

j) Adalah diyakini kemahiran-kemahiran yang telah dilaksanakan dan boleh diaplikasi oleh pelajar setelah mempelajarinya menerusi sukan dalam kokurikulum di politeknik boleh membantu pelajar apabila mereka menceburi alam pekerjaan terutamanya di industri. Ini kerana, kemahiran-kemahiran tersebut telah dipersetujui diperlukan oleh pihak industri dimiliki oleh pekerja-pekerja mereka (Ahmad, 2005).

k) Merujuk Jadual 3, nilai signifikan yang diperoleh hasil Ujian T bagi semua kemahiran generik yang dikaji dan kemahiran generik secara keseluruhannya melebihi nilai alfa yang ditetapkan iaitu 0.05. Oleh itu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelaksanaan kemahiran generik dalam kegiatan sukan oleh pensyarah dengan pengaplikasian kemahiran generik yang diterima oleh pelajar menerusi kegiatan sukan di politeknik-politeknik Malaysia

l) Merujuk kepada Jadual 4, nilai signifikan yang diperoleh bagi Kemahiran generik keseluruhan melebihi nilai alfa yang ditetapkan iaitu 0.05. Oleh itu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar di politeknik-politeknik Malaysia daripada segi pengaplikasian kemahiran generik yang mereka terima menerusi kegiatan sukan dalam kokurikulum. Walau bagaimanapun daripada segi domain kemahiran generik didapati terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar di politeknik-politeknik Malaysia dalam konteks kebolehan mengaplikasi kemahiran komunikasi dan pengurusan setelah mereka mempelajarinya menerusi sukan dalam kokurikulum.

6.0 Kesimpulan

Kesimpulan daripada penyelidikan ini ialah kegiatan sukan dalam kokurikulum di politeknik-politeknik Malaysia dapat membantu pelajar mempelajari kemahiran generik bagi menyediakan mereka sebagai pekerja yang dapat memenuhi keperluan pihak industri.

Sepatutnya kesedaran berkaitan dengan sukan sebagai pelengkap kepada kurikulum dipraktikkan oleh para pendidik kerana fakta tersebut membawa maksud input ilmu dan kemahiran yang tidak atau kurang disentuh oleh kurikulum diperkukuhkan menerusi sukan. Sebagai contohnya daripada segi pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dapat dipelajari oleh para pelajar

apabila mereka mengikuti sukan dalam kokurikulum di politeknik walaupun mereka berada dalam pengkhususan kejuruteraan awam, mekanikal atau elektrik. Ini kerana, menerusi sukan dalam kokurikulum, di politeknik mereka akan didedahkan dengan tiga disiplin utama iaitu kemahiran khusus berkaitan dengan jenis sukan yang dipilih, pengurusan dan keusahawanan.

Selain daripada itu, adalah menjadi lumrah kepada sebahagian majikan-majikan sama ada di sektor awam atau swasta di negara ini, mengambil pekerja yang mempunyai latar belakang dalam bidang sukan. Ini bermakna mereka yang menceburi sukan pada peringkat persekolahan mempunyai kelebihan menambat hati majikan sama ada pada peringkat temu duga perjawatan atau kenaikan pangkat berbanding dengan mereka yang tidak melibatkan diri dengan sukan. Malahan perkembangan semasa di dalam media massa, juga menunjukkan sukan mula mendapat tempat di hati menteri-menteri kabinet sehingga banyak saranan yang dikemukakan untuk meningkatkan mutu sukan di negara ini, terutamanya dengan menjadikan institut pendidikan sebagai tempat asas pembangunan sukan di Malaysia. Oleh yang demikian kepada semua pihak yang terlibat dalam pembangunan potensi individu di negara ini, yakinlah bahawa sukan banyak manfaatnya kepada sesiapa jua yang menceburinya.

Bibliografi.

- Abbott, I. (1997). "Why Do We Have to Do Key Skills? Student Views about General National Vocational Qualifications." *Journal of Vocational Education and Training*. Vol. 49. No. 4. M.s. 617-624.
- Adnan Kamis (1993). "Aktiviti Kokurikulum Dasar KBSM: Ke Arah Kemantapan Insan Seimbang." in Adnan Kamis (1993). "Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan Dan Maklum Balas. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 260 – 267.
- Ahmad Esa (2005). "Pelaksanaan Kemahiran Generik Menerusi Kokurikulum Di Politeknik Bagi Memenuhi Keperluan Industri Di Malaysia." KUiTTHO: Laporan Akhir Tesis (Belum Viva). Tidak diterbitkan
- Ahmad Sipon (2003). "Program Pendidikan Teknikal/Vokasional Oleh Kementerian Pendidikan Malaysia Bagi Menangani Cabaran Masa Depan." Paper of Key Note Speaker at the, "Persidangan Kebangsaan Pendidikan Dan Latihan Teknik Dan Vokasional," 29-30 Julai 2004, at the Hotel Caterina, Batu Pahat. Not publish.
- Andy, K.H. Seo (2003). "Smart Partnership Between Vocational Technical Training Institutions with the Industry in Creating Skill Workers." Working paper at the "Persidangan Kebangsaan Pendidikan Dan Latihan Teknik Dan Vokasional," 29-30 Julai 2004 at the Hotel Caterina, Batu Pahat. Not Publish.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (1992). "A Study on the Implementation of Co-Curricular Activities in Primary School in Malaysia by the Educational Planning and Research Division. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- California State University (1994). "University Policy Manual: Co-Curricular Courses." Sacramento: California State University. <http://www.csus.edu/acaf/univmanual/cocurcres.htm> . Excess on 22 Mac 2003.
- Hisham Abd. Rahman (2000). "Persepsi Pelajar Politeknik Kota Bahru Terhadap Aktiviti Kokurikulum (Sukan): Satu Tinjauan. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda Pendidikan

- Ismail Bakar (2003). "Penjuruteraan Semula Pendidikan Teknik Vokasional: Satu Cabaran Pemikiran Dan Tinjauan." *Jurnal Pendidikan Teknikal*. Jilid 3, No. 1-2004. 24-36.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2000). "Kokurikulum." <http://myschoolnet.ppk.kpm.my/> Dicapai pada 17 Februari 2003.
- Keystone Central School District (2002). "Philosophy of Co-Curricular Activities" <http://www.kcsd.k12.pa.us/guides/hs/cocurr.html> . Excess on 22 Mac, 2003.
- Mat Aris Abd. Hadi (1994). "Tanggapan Pelajar Dan Guru Terhadap Kegiatan Sukan Di Sekolah Menengah Vokasional (Lembah Kelang). Universiti Teknologi Malaysia: Thesis for the Bachelor of Technology and Education.
- Matthews, B. (2000). "Co-Curricular Philosophy." Bunbury: Bunbury Cathedral Grammar School. http://www.begs.wa.edu.au/home/co_curricular.htm . Excess on 21 Mac 2003.
- Michigan State Universiti (1988). "Opportunities for Renewal: The Report of the Council to Review Undergraduate Education." Michigan: East Lansing. 42-50.
- Mohamad Nor Mohamad Taib (1990). "Pandangan Pelajar Dan Ibu Bapa Terhadap Gerakerja Kokurikulum Sekolah Menengah." Universiti Malaya: Tesis Sarjana Pendidikan.
- Mohd. Saufi Zakaria (1999). "Sikap Pelajar Terhadap Aktiviti Kokurikulum Sukan Di Tiga Buah Sekolah Menengah Teknik Negeri Kelantan." Universiti Teknologi Malaysia: Thesis for the Bachelor of Technology and Education.
- Mustafa Kamal Ali (2000). "Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Pelajar-Pelajar Melayu Tingkatan 4 Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Rancangan Felda Daerah Segamat Selatan. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- National Academy Foundation (2001). "Co-Curricular Enhancements." USA: National Academy Foundation. <http://nafnetwork.net/resources/NAFResourcesCenter/cocurricular>. Excess on 23 Mac 2003.
- Potrafka, R. M. *et. al* (1997). "The World Wide Web, Student Organizations, and Co-Curricular Transcripts." University of Missouri- Rolla. 1-12.
- Rohanida Ab. Manaf dan Mohd. Sofian Omar Fauzee (2002). "Kepentingan Kokurikulum Dalam Sistem Pendidikan." Dalam Mohd. Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusof dan Borhan Yusof (2002). "Kokurikulum Peranan Dan Implikasi." Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd. 1-7.
- Roslan Ahmad (1994). "Pandangan Pelajar Politeknik Ungku Omar Terhadap Aktiviti Kokurikulum (Sukan): Satu Tinjauan. Universiti Teknologi Malaysia: Thesis for the Bachelor of Technology and Education.
- Strom, B. T. (1996). "The Role of Philosophy in Education – for - Work." *Journal of Industrial Teacher Education*. Vol. 33. No. 2. 77-82.
- Suriati Chek Pi dan Mohd. Sofian Omar Fauzee (2002). "Kokurikulum Menjana Ke Arah Keseimbangan Pelajar ." Dalam Mohd. Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusof dan Borhan Yusof (2002). "Kokurikulum Peranan Dan Implikasi." Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd. 40-45.
- Switzer, R. (2002). "Co-Curricular Program." Busselton: Georgiana Molloy Anglican School. <http://www.gmas.wa.edu.au/co-curriculum.htm> . Excess on 22 Mac, 2003.
- Teng Bon Tong (1984). "Pendidikan Jasmani Di Sekolah Rendah (Edisi ke-2)." Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1-4.
- Vasudevan T. Arosoo (1988). "Kegiatan Ko-Kurikulum: Penyeliaan Dan Pentadbiran." Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1-8.

- Walker, V. N. (2002). "Office of Co-Curricular Life." Sweet Briar: Sweet Briar College. <http://sbc.edu/cocurricular/about/> . Excess on 20 Mac, 2003.
- Warwick, D. (1989). "Interpretation and Aims." Dalam Warwick, D. (1989). "Linking Schools and Industry." Oxford: Basil Blackwell Ltd..
- Wirth, A. G. (1992). "Education and Work for the Year 2000: Choices We Face." San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Yusoff Ismail (1993). "Peranan Pendidikan Jasmani Dalam KBSM." in Adnan Kamis (1993). "Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan Dan Maklum Balas. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 235-243.
- Zainal Sabu (1999). "Persepsi Guru-Guru Terhadap Pelaksanaan Dan Penyeliaan Kokurikulum Di Sebuah Sekolah Menengah Di Negeri Sembilan." Universiti Malaya: Sarjana Pendidikan.

Lampiran

Jadual 1 Ringkasan Soal Selidik

Bahagian Dalam Soal Selidik	Bilangan Item		
a Latar Belakang Responden	5		
b)Domain Kemahiran Generik	Bilangan Item	Skala Bagi Item	Tafsiran MIn
Komunikasi	15	Skala Likert: 1 (Sangat tidak memuaskan) 2(Kurang memuaskan) 3 (Memuaskan) 4 (Baik) 5 (Cemerlang)	1.0 -2.70 (Tidak memuaskan) 2.80- 3.70 (memuaskan) 3.80 – 5.00 (Cemerlang)
Penyelesaian Masalah	10		
Membuat Keputusan	10		
Kepimpinan	20		
Bekerja Dalam Kumpulan	10		
Interpersonal	10		
Pengurusan	30		
Jumlah Item	105		
c)Item Terbuka	Bilangan Item		
Berkaitan peranan sukan	1		
Berkaitan kemahiran generik	1		

Jadual 2 Min Keseluruhan Setiap Kemahiran Generik Bagi Pensyarah Dan Pelajar

Kemahiran Generik	Responden	Pensyarah (Min)	Pelajar (Min)
Komunikasi		4.0317	3.9822
Penyelesaian masalah		3.9725	4.0600
Membuat keputusan		3.9869	4.0653
Kepimpinan		4.1470	4.0860
Bekerja dalam kumpulan		4.1563	4.2044
Interpersonal		4.0521	4.0933
Pengurusan		4.0137	3.9625
Keseluruhan		4.0523	4.0652

Jadual 3 Analisis Ujian T Terhadap Kemahiran-Kemahiran Generik Yang Dilaksanakan Oleh Pensyarah Menerusi Sukan Dengan Kemahiran-Kemahiran Generik Yang Boleh Diaplikasi Oleh Pelajar Setelah Menerima Menerusi Sukan.

Kemahiran Generik	Nilai Signifikan
Komunikasi	0.477
Penyelesaian masalah	0.344
Membuat keputusan	0.366
Kepimpinan	0.567
Bekerja Dalam Kumpulan	0.594
Interpersonal	0.619
Pengurusan	0.545
Kemahiran Generik Keseluruhan	0.855

Jadual 4 Analisis Anova Sehala Terhadap Pelajar Di Politeknik-Politeknik Malaysia Daripada Segi pengaplikasian Kemahiran Generik Yang Mereka Terima Menerusi Kegiatan Sukan Dalam Kokurikulum.

Kemahiran Generik	Nilai Signifikan
Komunikasi	*0.003
Penyelesaian masalah	0.236
Membuat keputusan	0.334
Kepimpinan	0.560
Bekerja Dalam Kumpulan	0.255
Interpersonal	0.197
Pengurusan	*0.002
Kemahiran Generik Keseluruhan	0.105

* Terdapat perbedaan yang signifikan